

Pelajar Cemerlang UMS dirai di Istana Negeri

UM 24.10.2012 26

KOTA KINABALU 23 Okt. - Lima pelajar cemerlang Universiti Malaysia Sabah (UMS) sempena Konvoesyen ke-14 yang lalu diraikan oleh Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahirudin dalam satu majlis makan malam di Istana Negeri, kelmarin.

Mereka ialah penerima Anugerah Pelajaran Diraja Bumiputera, Nur Thara Atikah Zainal; Anugerah Pelajaran Diraja Bukan Bumiputera, Daisy Wendy Pau; penerima Pingat

Emas Canselor, Ng Chee Guan; Pingat Emas Naib Canselor, Azhar Awan Ali dan penerima Pingat Emas Alumni, Pricynthia Nesha Selvaraja.

Atas pencapaian akademik yang cemerlang itu, mereka turut menerima hadiah penghargaan daripada Tun Juhar yang juga merupakan Canselor UMS.

Ketika ditemui, kesemua pelajar menyatakan rasa syukur terhadap kejayaan yang dikehendaki dan mene-

tapkan azam untuk meneruskan kecermerlangan apabila menempuh alam pekerjaan.

"Kami berasa terharu dengan keprihatinan Yang Dipertua Negeri Sabah kerana sentiasa menyokong terhadap pembangunan pengajian di negeri ini," kata Nur Thara kepada pemberita dalam majlis itu.

Yang turut hadir, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah dan pegawai-pegawai utama universiti.



JUHAR MAHIRUDIN dan isteri, Toh Puan Noridah R. M. Jasni (duduk depan) bersama pelajar cemerlang UMS di Istana Negeri, baru-baru ini.